

## Hadiah hari lahir paling bermakna buat Afiq

Oleh Syafiq Aznan - Jun 27, 2024 @ 6:04pm  
syafiq.aznan@bh.com.my



Afiq bersama pingat emas dimenangnya. - Foto KPT

SURABAYA: Sambutan ulang tahun kelahiran ke-21 atlet judo negara, Afiq Danish Zapri nyata lebih manis apabila dia berjaya mendapatkan 'hadiah terbaik' menerusi pingat emas dalam acara judo bawah 90 kilogram (kg) lelaki di Sukan Universiti ASEAN (AUG) 2024.

Penuntut Universiti Malaysia Terengganu (UMT) itu menyambut hari lahirnya semalam dan hari ini dia berjaya menumbangkan atlet tuan rumah yang juga pemenang pingat gangsa Kejuaraan Judo ASEAN 2024, Mayza Tyas Nugraha pada aksi final di Pusat Konvensyen Airlangga.

Mengakui gemetar pada aksi final apatah lagi seterusnya itu mendapat sokongan padu tuan rumah, Afiq berjaya menahan asakan Mayza untuk membutirkan pingat emas kedua dari sukan judo pada AUG kali ini.

"Saya cuba kawal perasaan dan gunakan pengalaman sebelum ini untuk mengawal gemetar. Saya jangkaka dapat tumbangkan lawan lebih awal tetapi dia juga kuat dan berpengalaman dan ini kali pertama kami bertemu.

"Saya cuba mencari kesalahannya dan saya berjaya dapat satu mata sebelum terus bertahan sehingga minit akhir. Ini adalah hadiah hari lahir yang amat bermakna buat saya kerana berjaya mendapat pingat emas di AUG," katanya.

Rentak cemerlang Afiq Danish berjaya diteruskan Amir Danial Abdul Majeed yang turut merangkul pingat emas dalam acara bawah 81kg selepas menumbangkan seorang lagi atlet tuan rumah, Yuta Gladius Taslim.

Pemenang pingat gangsa Sukan Komanwel 2022 dan Sukan SEA 2023 itu tidak berdepan masalah meraih 'ippon' ke atas Yuta sekali gus menamatkan perlawanan dalam tempoh 40 saat.

Terdahulu, skuad judo negara meraih pingat emas pertama negara di AUG 2024 menerusi Nur Farah izzati Wallah yang mengungguli kategori bawah 52kg selepas mengecewakan atlet tuan rumah yang bakal beraksi di Sukan Olimpik Paris 2024, Maryam March Maharani.

Secara keseluruhan selepas hari kedua acara judo berlangsung, skuad judo negara sudahpun menghimpun tiga pingat emas, satu pingat perak dan satu pingat gangsa.